

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO) 02 OGOS 2024

Arahan kepada calon-calon:

1. Sila tulis bilangan index dan nombor kad pengenalan pintar awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
 - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
 - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
 - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
 - Bahagian A : Semua Soalan
 - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
 - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada tiap lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

****** SEMOGA BERJAYA ******

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan. Setiap soalan mempunyai satu (1) markah.

- 1) Pewujudan Peraturan Cuti Beranak 2011 melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 1/2011 antara lain adalah bertujuan bagi tempoh pemulihan kesihatan ibu-ibu selepas mengandung dan untuk kesempurnaan kesihatan bagi ibu dan anak tersebut. Berikut merupakan syarat kelayakan dan syarat am bagi pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam, kecuali?
 - a. Perkhidmatan Tetap
 - b. Site-Staff dan Pegawai Kontrak asing
 - c. Cuti Beranak disahkan pegawai perubatan swasta
 - d. Cuti Beranak dihabiskan dalam Negara Brunei Darussalam
- 2) Dayang Feniwati binti Maqulay adalah seorang Pembantu Pejabat yang telah berkhidmat selama enam (6) tahun dalam lantikan perkhidmatan bergaji hari dengan sukatan tangga gaji E.1-2-3 EB.4 dan dilantik kepada lantikan '*open-vote*' bergaji bulan ketika usia kandungan beliau 30 minggu. Proses melahirkan beliau normal dengan selamat pada kandungannya berusia 42 minggu. Sila nyatakan tempoh Cuti Beranak yang berhak diterimanya?
 - a. 14 minggu
 - b. 15 minggu
 - c. 17 minggu
 - d. 25 minggu
- 3) Awang Muhamad bin Salah, Pegawai Pendidikan dalam Bahagian II dengan sukatan tangga gaji PG.3 adalah seorang tenaga pengajar, telah melapor diri untuk memulakan perkhidmatannya di Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam pada 01 Februari 2024. Beliau telah mengambil Cuti Tidak Bergaji pada 24 hingga 29 Ogos 2024 iaitu ketika musim persekolahan selepas cuti persekolahan penggal 2. Nyatakan tarikh kenaikan gaji tahunan beliau pada tahun 2025?
 - a. 01 Februari 2025
 - b. 07 Februari 2025
 - c. 24 Ogos 2025
 - d. 01 September 2025

- 4) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 - Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Kerajaan 1961 (General Order) mengenai lantikan-lantikan dan kenaikan-kenaikan pangkat pegawai-pegawai kerajaan menyatakan bahawa seorang pegawai yang masih dalam tempoh percubaan boleh diberhentikan lantikannya jika tidak memenuhi syarat yang ditetapkan dan salah satunya adalah pegawai tersebut tidak disokong untuk ditetapkan dalam jawatan oleh ketua jabatannya. Sila nyatakan syarat lain yang membolehkan pegawai berkenaan ditamatkan lantikannya?
- a. Tidak lulus dalam temu duga bagi penempatan jawatan
 - b. Tidak lulus peperiksaan skim perkhidmatan yang dikehendaki
 - c. Prestasi kehadiran dan kedatangan bekerja tidak memuaskan
 - d. Tidak berjaya menamatkan tempoh percubaan
- 5) Peraturan waktu bekerja termasuk tempoh bekerja seminggu minimum (masuk bekerja dan keluar semasa waktu bekerja) yang ditetapkan kepada pegawai-pegawai yang dalam perkhidmatan kontrak, sebulan ke sebulan dan *Open Vote*, ialah:
- a. 37 ½ Jam
 - b. 37 ¼ Jam
 - c. 38 ½ Jam
 - d. 38 ¼ Jam
- 6) 01 Januari 1962, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 mula dikuatkuasakan. Ia diperkenalkan bagi tujuan:
- a. Menguruskan tadbir urus dan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - b. Mengawal Hal Ehwal Lantikan dan Kenaikan Pangkat bagi Perkhidmatan Tetap dan Perkhidmatan Sementara, kecuali lantikan gaji hari
 - c. Mengawal urusan lantikan, termasuk lantikan gaji hari dan tindakan tatatertib
 - d. Mengawal urusan bagi pengisian kekosongan jawatan tetap, gaji hari dan kontrak

- 7) Setiap warga Perkhidmatan Awam akan bertanggungjawab mentaati semua peraturan dan arahan yang dikuatkuasakan dari semasa ke semasa. Penguasa Tatatertib bagi kakitangan perkhidmatan bergaji hari adalah:
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - Ketua Jabatan
- 8) Akta Rahsia Rasmi, Bab 5 (Penggali 153) merupakan akta yang wajib dipatuhi oleh semua warga Perkhidmatan Awam sebaik sahaja memulakan perkhidmatan dan sebaliknya jika gagal dipatuhi dan sabit kesalahan seseorang boleh dijatuhi hukuman berikut:
- Penjara tidak lebih dua (2) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
 - Penjara tidak kurang dua (2) tahun dan denda tidak kurang daripada \$12,000
 - Penjara tidak kurang tiga (3) tahun dan denda tidak lebih daripada \$10,000
 - Penjara tidak lebih tiga (3) tahun dan denda tidak kurang daripada \$12,000
- 9) Berdasarkan Surat Keliling British Resident Office Bil: 2/1959, apakah kategori pegawai dan kakitangan yang layak diberikan Cuti Lebih Masa 'Off in Lieu' dan berapa kadar setahun?
- Bahagian II dan IV dan kadar cuti lima (5) hari setahun
 - Bahagian IV dan V dan kadar cuti enam (6) hari setahun
 - Bahagian III, IV dan V dan kadar cuti tujuh (7) hari setahun
 - Bahagian I, II dan III dan kadar cuti lapan (8) hari setahun
- 10) Menurut Bab 22, di bawah Perintah-Perintah Am dan Peraturan-Peraturan Kerajaan 1961 (General Order) menyatakan bahawa tarikh kenaikan gaji bagi pegawai/kakitangan dalam Bahagian III, IV dan V adalah bermula pada:
- tarikh permulaan pegawai/kakitangan dilantik
 - tarikh pegawai/kakitangan dilantik ke satu jawatan dalam percubaan tiga (3) tahun
 - tarikh pegawai/kakitangan yang dilantik dalam percubaan telah berjaya
 - tarikh hari pertama dalam bulan berikutnya

- 11) Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 8/2021 adalah mengenai Penyerapan Perkhidmatan *Open Vote* dan lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari ke Perkhidmatan Tetap dan bagi kakitangan dalam Bahagian IV dan V mengikut syarat-syarat berikut kecuali:
- a. Hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
 - b. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam perkhidmatan bergaji hari
 - c. Akan diserapkan ke Perkhidmatan Tetap dalam jawatan dan bahagian sama
 - d. Dengan adanya penyerapan ini, Perkhidmatan *Open Vote* ditiadakan.
- 12) Menurut Surat Kelilingnya bilangan 4/2008, ketua jabatan yang ingin membuat sokongan memangku bagi jawatan-jawatan dalam Bahagian II dan III disebabkan oleh kekosongan jawatan atau ketiadaan sementara pemegangnya adalah pada satu tempoh selama?
- a. 1 hari atau lebih
 - b. 14 hari ke bawah
 - c. 11 hari ke bawah
 - d. 11 hari atau lebih
- 13) Siapakah pihak yang berkuasa memberi sokongan lantikan memangku bagi tempoh melebihi 180 hari atau bagi menilai kebolehan dan kesesuaian seseorang pegawai untuk ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya?
- a. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
 - b. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - c. Setiausaha Tetap
 - d. Ketua Jabatan
- 14) Tempoh lantikan memangku bagi jawatan dalam Bahagian I, II, III dan IV adalah 11 hari atau lebih. Jawatan-jawatan berikut adalah antara yang boleh dipangku tanpa perlu lulus Peperiksaan Perintah-Perintah Am, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan dan Peraturan-Peraturan Kewangan, kecuali:
- a. Pegawai Kakitangan Kanan, Pegawai Tugas-Tugas Khas, Penyelia Pejabat
 - b. Pegawai Pentadbir Tingkat Khas, Juruaudit, Pegawai Kewangan
 - c. Pegawai Kerja Kanan, Penolong Pegawai Kakitangan, Setiausaha Sulit
 - d. Pengarah Ukur, Pegawai Pemeriksa, Penolong Pegawai Kewangan Tkt II

- 15) Nyatakan pihak yang berkuasa yang mempertimbangkan pengemaskinian Skim Perkhidmatan dalam Perkhidmatan Awam?
- Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - Jabatan Perdana Menteri
 - Jawatankuasa Tanggagaji dan Syarat-Syarat Perkhidmatan
- 16) Awang Abasyah bin Lhaisadhar, Pegawai Kewangan telah mewakili persatuan bola sepak daerah dalam pertandingan futsal terbuka Miri mulai 29 Jun 2024 (selepas waktu pejabat) sehingga 30 Jun 2024. Ini merupakan kali kedua beliau keluar negeri bagi menyertai pertandingan futsal dan kali pertama adalah pada bulan Februari 2024 di Kota Belud, Sabah dan hanya diketahui keluar negeri tanpa kebenaran oleh Jabatan melalui SSM yang dihadapkan beliau secara kebelakangan pada 01 Ogos 2024. Apakah tindakan yang boleh diambil terhadap beliau?
- Diambil maklum dan kebenaran diberikan secara kebelakangan.
 - Dinasihatkan untuk menghadapkan permohonan lebih awal di masa hadapan.
 - Dikenakan tindakan tatatertib menurut Perenggan 4, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998.
 - Dikenakan tindakan tatatertib menurut Peraturan 9 dari Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83.
- 17) Pegawai dan kakitangan kerajaan yang melakukan pelanggaran dan sabit kesalahan jenayah di bawah Perenggan 4, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 dan dibuang kerja akan terlucut kepada tuntutan. Sila pilih yang paling tepat:
- Elaun Bersara dan Baksis
 - Pencen dan Elaun Bersara
 - Pencen dan Baksis
 - Pencen, Elaun Bersara dan Baksis

- 18) Apakah berlaku kepada pegawai dan kakitangan yang mendiami rumah/flat kerajaan yang didapati membina struktur tambahan seperti bilik tidur dan tandas?
- a. Boleh dikenakan tindakan tatatertib dan pembayaran ganti rugi.
 - b. Dirujuk kepada Jabatan Kerja Raya bagi pemeriksaan struktur bangunan.
 - c. Dilaporkan kepada Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).
 - d. Kebenaran peruntukan perumahan dibatalkan dan ditarik balik.
- 19) Pewujudan Audit Dalaman di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan telah dikemas kini dengan berkuatkuasanya Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2022. Sila nyatakan apakah bidang kuasa Unit Audit Dalaman?
- a. Memberi pandangan dan cadangan nilai tambah kepada kecekapan pengurusan operasional jabatan.
 - b. Pemeriksaan dan penilaian bebas serta memberi penambahbaikan ke atas kawalan pengurusan kewangan.
 - c. Melaksanakan pemeriksaan ke atas aktiviti berkaitan kewangan, program atau harta benda kerajaan di bawah kawalan pihak yang diaudit.
 - d. Pemeriksaan dan penilaian keberkesanan tindakan-tindakan selesai diambil ke atas teguran Jabatan Audit.
- 20) Pegawai-pegawai yang baru kembali bertugas selepas bercuti dibenarkan mengambil cuti seterusnya dengan syarat dikehendaki untuk berkhidmat :
- a. Selama 7 hari kalender dari tarikh terakhir cutinya
 - b. Selama 14 hari kalender dari tarikh terakhir cutinya
 - c. Selama 21 hari kalender dari tarikh terakhir cutinya
 - d. Selama 30 hari kalender dari tarikh terakhir cutinya

- 21) Surat Keliling JPM Bil: 11/ 1999 adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan-peraturan kepada pegawai dan kakitangan kerajaan mengenai keperluan untuk hadir ke majlis-majlis rasmi kecuali atas alasan-alasan yang munasabah. Sila nyatakan contoh alasan yang munasabah:
- a. Berada di luar negeri atas urusan peribadi
 - b. Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS)
 - c. Cuti dipohonkan dan dihadapkan pada tarikh sama majlis
 - d. Diarah untuk bertugas dalam negeri untuk menyelenggara majlis rasmi yang sedang dijalankan
- 22) Tekad Pemedulian Orang Ramai mempunyai tiga (3) fokus utama. Apakah fokus-fokus tersebut?
- a. Orang ramai, prosedur dan sikap/etika
 - b. Orang ramai, proses dan organisasi
 - c. Orang ramai, piawaian dan sikap/etika
 - d. Orang ramai, prosedur dan organisasi
- 23) Pemberian bonus tahunan adalah mengikut gred prestasi yang berpandukan borang penilaian prestasi baru yang menekankan kepada dua (2) aspek penilaian, iaitu:
- a. Penilaian objektif kompetensi dan keupayaan pegawai.
 - b. Penilaian hasil (KPI/*results*) dan ciri-ciri peranan.
 - c. Perancangan kerja/huraian tugas/sasaran objektif dan perakuan prestasi hendaklah dijalankan pada bulan Oktober.
 - d. Pemantauan pertama pencapaian hasil dan wajaran (*weightage*).
- 24) Berapakah jumlah Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) yang boleh diambil oleh pegawai dan kakitangan dalam satu-satu masa?
- a. Tiga (3) hari secara berturut-turut cuti am, awam dan cuti khas.
 - b. Tujuh (7) hari dalam satu (1) tahun tempoh Perkhidmatan.
 - c. Tidak boleh melebihi tempoh tiga (3) hari berturut-turut.
 - d. Tidak boleh melebihi tempoh dua (2) hari berturut-turut termasuk cuti am, awam dan cuti khas.

- 25) Sila pilih syarat peruntukan perumahan kerajaan yang betul mengikut kelayakan-kelayakan bagi pegawai dan kakitangan yang dinyatakan berikut:
- Pegawai Lelaki dalam Perkhidmatan Tetap Bahagian V, Sebulan ke Sebulan dan *Open Vote*.
 - Pegawai Lelaki BAHAGIAN I, II, III dan IV dalam Perkhidmatan Tetap dan Kontrak Luar Negeri.
 - Pegawai Wanita Bahagian II dan III dalam Perkhidmatan bergaji hari.
 - Pegawai Wanita Bahagian III dan ke bawah.
- 26) Semasa keluar negeri pada hujung minggu seorang Pegawai Kontrak di Kementerian Kesihatan didapati membawa masuk barang-barang tegahan kastam iaitu 18 katon dan 32 batang rokok pelbagai jenis dan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 146, Perintah Eksais 2006. Apakah tindakan yang boleh dikenakan?
- Diberi amaran keras dan dicatat dalam rekod Perkhidmatan.
 - Diadukan ke Jawatankuasa Tatatertib digantung perkhidmatan dan ditahan gaji 50%.
 - Dimestikan menghadiri kaunseling di Jabatan Perkhidmatan Awam.
 - Dibuang kerja dengan perjanjian kontrak ditamatkan.
- 27) Surat Pemberitahuan Jabatan Perkhidmatan Awam Bilangan: 14/2014, menjelaskan kebenaran peruntukan rumah dan flat kepada pegawai dan kakitangan akan terbatal jika suami/isteri pegawai didapati memiliki rumah melalui salah satu skim-skim berikut, kecuali:
- Skim Perpindahan/Perumahan Negara
 - Skim pinjaman di bank untuk membina rumah
 - Skim pinjaman perumahan kerajaan
 - Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati
- 28) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggag 83) - Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) di bawah Peraturan 9 menetapkan peraturan-peraturan iaitu:
- Tidak hadir bekerja tanpa mendapat kebenaran.
 - Kebenaran keluar negeri hendaklah mendapat kebenaran awal Ketua Jabatan.
 - Keperluan membuat surat tunjuk sebab/membela diri.
 - Kes jenayah yang melibatkan penyalahgunaan dadah dan akta racun.

- 29) Dayang Afifah binti Ahmadhani, Penolong Pegawai Kerja berjawatan gaji hari memulakan perkhidmatannya pada 01 Disember 2023. Beliau disahkan melahirkan anak pada 15 Februari 2024 dan diberikan cuti beranak selama 15 minggu (105 hari). Nyatakan kelayakan pemberian gaji yang berhak diterima oleh Dayang Afifah?
- a. > 90 hari tidak dibayar gaji
 - b. > 90 hari dibayar separuh gaji
 - c. 90 hingga 180 hari dibayar separuh gaji
 - d. 180 dan ke atas dibayar gaji penuh
- 30) Surat keliling merupakan surat pengumuman rasmi kerajaan yang dicetak dan diedarkan yang hanya boleh dikeluarkan oleh Kementerian/Jabatan berikut:
- a. Jabatan Perdana Menteri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
 - b. Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perbendaharaan
 - c. Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan dan Ekonomi
 - d. Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Perkhidmatan Awam

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi 10 soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja dari 10 soalan. Setiap soalan mempunyai lima (5) markah.

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

Dayang Noryurgenah binti Aklopp telah menerima tawaran jawatan sebagai Penyelia Pejabat dan seterusnya melapor diri pada 29 Julai 2024 ke Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Sila berikan penerangan mengenai perkara berikut:

- 1) Tiga (3) kaedah (Bab) pengiklanan jawatan-jawatan kosong
- 2) Cuti Beranak
- 3) Peraturan dan Syarat EB Khas
- 4) Jenis-jenis Cuti Khas dan apakah Cuti Khas menemani suami atau isteri yang bertugas di Luar Negeri.
- 5) Pengeluaran wang simpanan dalam Skim TAP dibolehkan dengan syarat?
- 6) Dasar kuasa menahan gaji dan menggantung daripada menjalankan tugas dan kewajipan
- 7) Kehadiran pegawai kerajaan ke majlis-majlis rasmi negara
- 8) Tatacara mengistiharkan hadiah
- 9) Gred prestasi dan peratus (%) berdasarkan Sistem Pengurusan Prestasi Baru
- 10) Insentif-insentif yang berkaitan dengan Sistem Penilaian Prestasi

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga (3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua (2) sahaja daripada tiga (3) soalan.

Soalan 1

Awang Aliey bin Wahubee, Jurutera telah menempah tiket kapal terbang untuk percutian beliau berserta keluarga ke Kota Kinabalu, Sabah mulai 13 Mei 2024 sehingga 27 Mei 2024 selama 15 hari. Beliau telah menghadapkan borang permohonan cuti pada 13 Mei 2024, bagaimanapun ketua Jabatan tidak memberikan kebenaran disebabkan permohonan cuti dihadapkan secara mendadak tanpa alasan yang munasabah. Bagaimanapun Awang Aliey didapati meneruskan percutian tanpa mengetahui sama ada permohonan itu diluluskan atau sebaliknya.

Awda selaku pegawai yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal pentadbiran, di Jabatan Kerja Raya perlu menerangkan apakah tindakan yang perlu diambil mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Penggal 83 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998 seperti berikut:

1. Sila terangkan apakah tindakan awal sebaik sahaja menerima laporan Awang Aliey tidak hadir bertugas pada 13 Mei 2024. (6 Markah)
2. Huraikan proses menghadapkan sokongan tindakan. (5 Markah)
3. Nyatakan hukuman yang dikenakan ke atas perkhidmatan Awang Aliey mengikut peraturan yang ditetapkan. (2½ Markah)
4. Tegahan kepada beliau ketika dalam tindakan Tatatertib. (4 Markah)

Soalan 2

Sila jawab soalan-soalan berikut:

1. Sila nyatakan nama Pekeliling Perkhidmatan Awam mengawal dasar penyerapan Perkhidmatan *Open Vote* Dan Lantikan Perkhidmatan Bergaji Hari Ke Perkhidmatan Tetap dan sebutkan lima (5) syarat membolehkan lantikan.
(5½ Markah)
2. Bila tarikh dasar penyerapan ini dikuatkuasakan dan sila sebutkan tiga (3) skim perkhidmatan penyerapan yang telah diluluskan.
(4 Markah)
3. Apakah tempoh percubaan yang dikenakan bagi kakitangan Bahagian IV dan Bahagian V yang Bergaji Hari yang dilantik ke Perkhidmatan Tetap?
(2 Markah)
4. Dengan perlaksanaan dasar penyerapan ini dikuatkuasakan, sila huraikan tatacara Kementerian / Jabatan bagi pengambilan baru (*new recruitment*) kakitangan ke Perkhidmatan Bergaji Hari
(2 Markah)
5. Nyatakan dua (2) kedudukan kepada kakitangan dalam Perkhidmatan bergaji hari berikut iaitu:
(4 Markah)

Soalan 3

Soalan ini berkisar mengenai Dasar Hal Ehwal Cuti Perkhidmatan Awam, termasuk penambahbaikan peraturan kepada pemberian kemudahan cuti adalah selaras dengan keperluan hidup semasa, polisi kerajaan yang prihatin akan kesejahteraan pegawai dan kakitangan kerajaan berdasarkan integriti dan profesionalisme.

1. Berdasarkan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 1/2011, sila terangkan apa yang dimaksudkan dengan Syarat-Syarat Am Cuti Beranak, Tempoh Cuti, dan Tatacara Pembayaran Gaji (9 Markah)
2. Sila nyatakan definisi Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS) (3 Markah)
3. Apakah syarat-syarat Am yang mengawal peraturan ini? (3 Markah)
4. Sila sebutkan dua (2) definisi Penyakit Ringan (2 ½ Markah)